



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK:700 – 2/6/1 Jld. 10 ()
Tarikh : 1 Jun 2021

Ful

SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

KEPERLUAN KETAHANAN API BAGI ELEMEN STRUKTUR

Merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Berdasarkan kepada beberapa semakan pelan dan pemeriksaan bagi tujuan CCC di dapati keperluan berkaitan elemen struktur tidak diberi perhatian sepertimana menurut UBBL 1984. Kegagalan sesuatu elemen struktur untuk bertahan di dalam sesuatu kebakaran akan menyebabkan keseluruhan bangunan boleh runtuh sepenuhnya. Keperluan ketahanan api bagi elemen struktur penting dan ianya adalah sepertimana Undang-undang Kecil (UUK) 224, UBBL 1984.

3. Berdasarkan UUK 224, keperluan ketahanan api elemen struktur di tentukan berdasarkan kepada 2 keadaan berikut :-

3.1 Elemen struktur mematuhi sepenuhnya spesifikasi binaan seperti di ditetapkan pada Jadual Kesembilan, UBBL 1984; atau

3.2 Elemen struktur yang diberi perlindungan kebakaran dengan menggunakan bahan yang telah diuji dan mempunyai tahap ketahanan api. Bahan ini hendaklah mempunyai Perakuan Bahan, JBPM.

4. Pada masa kini kebanyakan elemen struktur seperti *column* dan *beam* terutamanya di bangunan kilang dan kompleks perniagaan dibina daripada keluli atau *steel structure*. Keluli ini perlu dilindungi untuk memberi ketahanan api. Bahan yang biasanya diguna untuk memberi perlindungan pada *steel structure* ialah samada *intumescent fire stopping paints*, *cladding with fire stopping boards* atau *fire stopping sprays*. Bahan ini perlu diuji untuk menentukan prestasinya dan mestilah mendapat Perakuan Bahan JBPM.

'CEPAT DAN MESRA'



5. Oleh itu, maklumat terperinci berkaitan elemen struktur pada sesuatu projek hendaklah dinyatakan dengan terperinci pada pelan arkitekural yang dikemukakan dan mengandungi perkara-perkara berikut :-

- 5.1 Menyatakan jenis elemen struktur pada projek tersebut berdasarkan tafsiran UUK 133 seperti *beam, column*, dinding pengasing dan lain-lain.
- 5.2 Spesifikasi bahan binaan bagi setiap elemen struktur dan mengemukakan pelan rekabentuknya.
- 5.3 Tahap ketahanan api bagi setiap elemen struktur berdasarkan kepada Jadual Kesembilan, UBBL 1984.
- 5.4 Bagi elemen struktur yang dibina daripada keluli, spesifikasi bahan perlindungan dan rekabentuknya hendaklah sepertimana menurut kepada penggunaan bahan tersebut yang ditetapkan pada Perakuan Bahan. Pihak PSP perlu mengemukakan spesifikasi terperinci bahan yang dicadangkan iaitu seperti jenis bahan pelindung, ketebalan, cara dan penggunaan salutan (coating).

6. Disamping itu, pemeriksaan ke atas setiap elemen struktur hendaklah di buat semasa menjalankan pemeriksaan bagi tujuan CCC.


7. Komitmen serta perhatian YS Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI 'Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

SENARAI EDARAN

YS Pengarah,

1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Kuala Lumpur
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
5. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
6. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
7. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
8. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
10. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
16. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya